

UPM IKTIRAF PENYELIDIK CEMERLANG TAHUN 2005

Oleh: NOOR ESZEREEN JUFERI
Foto: Ahmad Fua'ad Alwi

BANGI (23 MAC) - Kecemerlangan dan kehebatan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berjaya mengharumkan nama negara di peringkat kebangsaan dan antarabangsa diberi pengiktirafan oleh pihak universiti kepada penyelidik yang menunjukkan kecemerlangan dalam tahun 2005 pada Majlis Anugerah Penyelidikan 2005.

Majlis ini akan dijadikan acara tahunan universiti bagi memastikan kecemerlangan yang berterusan para penyelidik UPM ke arah Universiti

Penyelidikan Bertaraf Antarabangsa, sejajar dengan saranan Kementerian Pengajian Tinggi bagi menggalakkan tenaga pengajar universiti menghasilkan penyelidikan baru agar mampu dikomersialkan untuk pembangunan negara masa kini.

Kesemua penyelidik ini menerima sijil dan penghargaan yang disampaikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed di Hotel Equatorial, Bangi baru-baru ini.

Penganugerahan yang diberikan adalah mengikut kategori yang dipertandingkan iaitu Anugerah Komersialisasi iaitu anugerah kepada para



Antara penyelidik yang dirai.

penyelidik yang telah cemerlang dalam mengkomersialkan produk penyelidikan berbentuk fizikal dan telah menembusi pasaran, yang diterima oleh Prof. Madya Dr. Mohd. Hair Bejo dari Fakulti Perubatan Veterinar dan beliau telah berjaya menghasilkan produk *Infectious Bursal Disease (IBD) Vaccine*.

Seterusnya, Anugerah Penerbitan Cemerlang iaitu penganugerahan kepada penyelidik yang berjaya menghasilkan penerbitan 'citation-index' jurnal tertinggi dalam tahun 2005, Bidang Sains & Teknologi di menangi oleh Prof. Madya Dr. Ir. Mohd Sapuan Salit dari Fakulti Kejuruteraan dan Dr. Jegatheswaran Ratnasingam dari Fakulti Perhutanan.

Dalam bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan telah dimenangi oleh Prof. Dr. Ahmad Zubaidi Baharumshah dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan. Manakala, Anugerah Khas dimenangi oleh Prof. Dr. Ir. Radin Umar Radin Sohadi dari Fakulti Kejuruteraan, Prof. Datin Dr. Khatijah Mohd Yusoff dari Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul dan Prof. Dr. Nordin Lajis dari Institut Biosains.

Anugerah Penyelidik Muda yang dikhususkan kepada penyelidik yang berumur 35 tahun ke bawah dan telah

menunjukkan prestasi penyelidikan yang memberangsangkan dan pencapaian yang membanggakan di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa dalam Bidang Sains & Teknologi dimenangi oleh Prof. Madya Dr. Mohd Adzir Mahdi dari Fakulti Kejuruteraan dan Bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan diterima oleh Dr. Samsilah Roslan dari Fakulti Pengajian Pendidikan.

Anugerah Penyelidik Cemerlang 2005 dimenangi oleh kumpulan delegasi ke *World Exhibition of Innovation, Research and New Technologies (Eureka 2005)* iaitu Prof. Dr. Shattri Mansor, Prof. Madya Dr. Mohd Khazani Abdullah, Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar, Dr. Thamer Ahmed Mohammed dan En. Mohd Hanif Yaacob dari Fakulti Kejuruteraan.

Turut diberi penghargaan kepada para penyelidik yang terlibat dalam Pameran Antarabangsa, penghargaan kepada penyelidik yang berjaya memenangi pingat dalam pameran penyelidikan di peringkat antarabangsa. Antara pameran yang berjaya adalah *International Exhibition Of Inventions, New Techniques and Products Geneva 2005 (Geneva 2005)*, *Invention & New Product Exposition (INPEX 2005)* dan *The British Invention Show 2005 (BIS 2005)*.



Tribun Putra mendapat perhatian daripada Dato' Mustapa Mohamed.

TEMPIAS oleh: Ady

PERISTIWA : HARGA MINYAK NAIK
NASIHAT PEMIMPIN : UBAH GAYA HIDUP
NASIHAT ZAMAN BERZAMAN : KEPIMPINAN MELALUI TAULADAN

SELAMAT PAGI... BOSS!!!

SELAMAT PAGI... DAN SELAMAT UBAH GAYA HIDUP YE... FUHI... FUHHI... YAH!... YAAH!